

NILAI, AMALAN, DAN SISTEM PENDIDIKAN MASYARAKAT MELAYU ISLAM SELEPAS PENJAJAHAN BARAT HINGGA KINI

Ab. Halim Tamuri¹
Kamarul Azmi Jasmi²

¹Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Tamuri, A.H. & Jasmi, K. A. (2009). Nilai, Amalan, dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat hingga Kini in *Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, pp. 35-57. ISBN: 978-983-9368-43-7.

Pendahuluan

Kedatangan Islam ke alam Melayu pada abad ke-15 membuka lembaran baru dalam sejarah peradaban masyarakat Melayu khas dan tamadun Islam amnya. Agama Islam telah membawa bersama kemauan intelektualisme, rasionalisme, penguasaan, dan perkembangan ilmu dalam peradaban Melayu Islam. Dalam memperkembangkan Islam, para pendakwah, ulama, ahli sufi, dan saudagar Islam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara dalam menyampaikan dakwah mereka dan ajaran Islam (al-Attas 1999). Melalui institusi pendidikan seperti masjid, surau, pondok atau pasentren, semua golongan lapisan masyarakat Melayu mula mengenali ilmu Islam. Islam sebagai agama yang menekankan ilmu memberikan penekanan kepada penguasaan ilmu dan keadaan ini telah melahirkan satu sistem pendidikan yang sesuai dengan keadaan masyarakat dan keperluan pada masa tersebut. Pendidikan merupakan salah satu mekanisme penyampaian agama dan ianya dilihat sebagai proses dakwah kepada masyarakat. Malah, kewujudan kerajaan-kerajaan Melayu Islam di sekitar Nusantara seperti kewujudan kerajaan-kerajaan Melayu Islam di sekitar Nusantara seperti di Melaka, Terengganu, Kelantan, dan Kedah merancakkan lagi perkembangan Pendidikan Islam di alam Melayu sehingga wujudnya hubungan yang signifikan antara kerajaan-kerajaan Islam.

NILAI, AMALAN, DAN SISTEM PENDIDIKAN MASYARAKAT MELAYU ISLAM SELEPAS PENJAJAHAN BARAT HINGGA KINI

Ab. Halim Tamuri

Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Pendahuluan

Kedatangan Islam ke alam Melayu pada abad ke-15 membuka lembaran baru dalam sejarah peradaban masyarakat Melayu khas dan tamadun Islam amnya. Agama Islam telah membawa bersama kemauan intelektualisme, rasionalisme, penguasaan, dan perkembangan ilmu dalam peradaban Melayu Islam. Dalam memperkembangkan Islam, para pendakwah, ulama, ahli sufi, dan saudagar Islam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara dalam menyampaikan dakwah mereka dan ajaran Islam (al-Attas 1999). Melalui institusi pendidikan seperti masjid, surau, pondok atau pasentren, semua golongan lapisan masyarakat Melayu mula mengenali ilmu Islam. Islam sebagai agama yang menekankan ilmu memberikan penekanan kepada penguasaan ilmu dan keadaan ini telah melahirkan satu sistem pendidikan yang sesuai dengan keadaan masyarakat dan keperluan pada masa tersebut. Pendidikan merupakan salah satu mekanisme penyampaian agama dan ianya dilihat sebagai proses dakwah kepada masyarakat. Malah, kewujudan kerajaan-kerajaan Melayu Islam di sekitar Nusantara seperti kewujudan kerajaan-kerajaan Melayu Islam di sekitar Nusantara seperti di Melaka, Terengganu, Kelantan, dan Kedah merancakkan lagi perkembangan Pendidikan Islam di alam Melayu sehingga wujudnya hubungan yang signifikan antara kerajaan-kerajaan Islam.

Analisis Terhadap Konsep Pendidikan daripada Perspektif Islam

Secara umumnya pendidikan difahami sebagai satu proses memelihara dan membangunkan manusia dari aspek jasmani, akal, bahasa, kelakuan, sosial dan agama yang difokuskan terhadap usaha memperelok dan mencapai kesempurnaan. Menurut Hassan Langgulung (1987, seterusnya Hassan) pendidikan ialah satu bentuk interaksi manusia. Ia adalah suatu tindakan sosial yang berlaku hasil jaringan hubungan kemanusiaan. Jaringan, hubungan, dan peranan individu dalam tindakan sosial ini akan membentuk watak pendidikan sesuatu masyarakat.

Selain itu, Ibnu Khaldun pula menjelaskan bahawa pendidikan merupakan proses untuk mengubah tabiat seseorang (al-Na^omy 1994). Mohd Kamal Hassan (1988, seterusnya Mohd Kamal) mentakrifkan pendidikan sebagai: "*process by which behavioral changes take place in an individual as a result of experiences which he has under-gone*" yang memberi maksud proses perubahan tingkahlaku di dalam diri setiap individu hasil daripada pengalaman-pengalaman yang dilaluinya. Menurut Syed Ali Ashraf (1995) pula, pendidikan ialah suatu kegiatan yang berfaedah ditujukan kepada perkembangan insan sepenuhnya. Ini bermakna pendidikan melibatkan proses-proses pembelajaran dan pengajaran yang terancang sama ada secara formal ataupun tidak formal. Melalui defmisi di atas, pendidikan bukan sekadar untuk menguasai ilmu pengetahuan semata-mata atau menguasai kemahiran tetapi ia merangkumi pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi di luar persekitaran sekolah atau pendidikan formal.

Pendidikan merupakan proses pembangunan insan yang berjalan sepanjang hayat seseorang manusia (Mohd Kamal Hassan 1988; al-Nasir et. al 1994). Faktor ini mendorong lahirnya tiga istilah penting dalam Islam apabila membincang mengenai pendidikan iaitu *tarbiyyah*, *ta'lim* dan *ta'dib*

(Resolusi Persidangan Antarabangsa Pertama mengenai Pendidikan Islam, Makkah 1977). Ini kerana ketiga-tiga perkara tersebut mempunyai hubungan dengan manusia, masyarakat, dan persekitaran yang menjurus kepada hubungannya dengan Tuhan. Ketiga-tiga proses tersebut boleh berlaku sama ada dalam situasi formal seperti di institusi pendidikan ataupun tidak formal seperti di rumah dan sebagainya.

Khurshid Ahmad (1973) mendefinisikan pendidikan Islam sebagai satu latihan *aqliyyah*, *jasmaniyyah* dan *ruhiyyah* bertujuan melahirkan manusia; laki-laki dan wanita. Miqdad Yalchin (1977 & 1986) pula mendefinisikan pendidikan Islam sebagai proses melaksanakan falsafah pendidikan Islam dan merealisasikan hasilnya dalam bidang pembinaan, pembentukan dan pemasyarakatan seseorang selaras dengan keperibadian yang digariskan oleh falsafah Islam, supaya sahsiah Islamiah dapat terbentuk dalam tindak tanduk, tingkah laku dan sikap seseorang Muslim, walau bila dan di mana sahaja dia berada. Malah al-Qardhawi (1982) menjelaskan pendidikan Islam sebagai pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, akhlak dan tingkah laku. Ini berdasarkan tujuan pendidikan untuk menyediakan manusia bagi menghadapi hidup, baik dalam keadaan senang atau susah, dalam keadaan damai atau perang, di samping persediaan untuk menghadapi masyarakat yang baik atau sebaliknya, dan menghadapi kehidupan yang manis atau pahit.

Menurut at-Tamimi (1985), pendidikan Islam mampu memperbaiki kehidupan manusia dan mewujudkan keseimbangan peribadi seseorang insan. Islam mempunyai ciri-ciri keimanan, akhlak dan ilmu. Sekiranya ciri-ciri ini tidak ada, maka pendidikan tidak membawa erti yang sebenar, kerana ciri-ciri tersebut merupakan asas untuk mendapat kejayaan dan kemenangan dalam kehidupan. Menurut Al-Nahlawi (1996), tujuan pendidikan Islam ialah membangunkan pemikiran manusia serta mengatur kelakuan dan kecenderungannya dalam kehidupan individu dan bermasyarakat menerusi asas-sas Islam.

Berdasarkan beberapa takrif pendidikan Islam oleh para sarjana Islam di atas, satu titik pertemuan penting yang diutarakan mereka ialah pendidikan Islam adalah proses mendidik dan melatih yang melibatkan tiga unsur atau elemen penting dan utama iaitu akal, jasmani dan rohani berdasarkan sumber pendidikan Islam iaitu al-Quran dan sunnah yang bermatlamat melahirkan manusia yang bertaqwa dan mengabdikan diri semata-mata kerana Allah. Lantaran itu, Muhammad Qutb (1983) menyimpulkan bahawa pendidikan ialah proses merawat, memperelok dan memperbaiki manusia dengan sepenuhnya tanpa meninggalkan dan mengabaikan semua aspek yang berkaitan iaitu jasmani, rohani, akal, keperluan fizikal dan keperluan rohani dan seluruh aktiviti kemanusiaan di atas muka bumi ini.

Syed Ali Ashraf pula telah mengemukakan satu konsep pendidikan Islam yang memberi penekanan kepada akidah dan fungsi manusia sebagai khalifatullah. Pada pandangan beliau sistem pendidikan dari perspektif Islam perlu dibina untuk melahirkan bukan hanya manusia biasa tetapi adalah *al-Insan al-Kamil* (1988: 75) Sehubungan dengan itu, beliau telah mengemukakan satu gagasan berasaskan akidah (*faith based education system*). Matlamat utamanya ialah untuk melahirkan insan yang bertakwa kepada Allah sebagaimana dalam pernyataan beliau: Our interest in the successful execution of faith-based education policy. We want to produce individuals who will become faithful servants of God. ... We want them to believe that sovereignty ultimately belongs to Allah. (1997b: I).

Beliau (1979:38) juga menegaskan bahawa yang membezakan antara sistem pendidikan Islam dan barat ialah aspek keimanan dan ketakwaan kepada Allah yang menjadi salah satu matlamat utama. Pandangan ini tentu berbeza dengan fahaman liberal barat yang meletakkan kebebasan mutlak kepada rasional sedangkan dalam sistem pendidikan Islam matlamat utamanya ialah untuk melahirkan individu yang patuh kepada Penciptanya. Halstead (1996) menghuraikan bahawa:

The Islamic world view, for example, which is based on values drawn from divine revelation, produces an approach to education which is at odds at several crucial points with liberalism. In Islam, the ultimate goal of education is to nurture children in the faith, to make them good

Muslims, and children are not encouraged to question the fundamentals of their faith but are expected to accept them on the authority of their elders.

Beliau telah membincangkan dengan secara mendalam tentang konsep pendidikan yang berasaskan kepada ajaran Islam yang syumul berdasarkan wahyu dari Allah dan Sunnah Rasulaallah saw. Beliau telah mengkritik sistem pendidikan barat liberalism yang telah memisahkan ketuhanan dengan kehidupan seharian yang berpunca daripada fahaman sekularisme. Pendidikan mestilah diasaskan kepada konsep Tawhid sebenarnya teras kehidupan setiap orang Islam,serta tidak memisahkan antara agama dan kehidupan seharian, dan pelaksanaan tugas sebagai khalifatullah. Sehubungan dengan itu, beliau (1996:4) telah menghuraikan pendidikan sebagai berikut:

Education is therefore defined as the process through which balanced growth of the total personality of human being is achieved. According to Islam the end to be aimed at is the attainment of the status of a true representative of God on the earth (Khalifatullah)

Definisi pendidikan yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa pendidikan dalam Islam bertujuan melahirkan khalifatullah yang mempunyai perkembangan yang seimbang. Keseimbangan pembangunan manusia ini perlu berasaskan kepada aspek kerohanian agar manusia yang dididik tersebut patuh dan taat kepada hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah. Aspek nilai dan amalan yang positif perlu diberikan penekanan agar manusia yang dididik dapat melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Proses membangunkan insan perlulah dilaksanakan secara menyeluruh dari semua aspek kehidupan sebagaimana kenyataan berikut:

It aims at the 'balanced growth' of the total personality of man so that his mind and body, his worldly ambitions and bodily desires are kept under the control of his Spirit (ruh) which alone can respond to revelations and hence to revealed knowledge and thus have faith in the Quran dan the Sunnah. (Syed Ali Ashraf, 1993: 3)

Berdasarkan pandangan Syed Ali Ashraf ini, maka setiap pendidik, ibubapa, masyarakat dan pihak berkuasa seharusnya memberikan tumpuan yang seimbang dalam memberikan pendidikan kepada generasi muda. Hanya dengan pembangunan yang seimbang dan disepadukan dengan keimanan kepada Allah swt akan dapat melahirkan manusia yang benar-benar bertanggungjawab sebagai -khalifah Allah. Konsep pendidikan yang telah dibincangkan di atas jelas mempunyai keselarasan dengan matlamat pendidikan yang beliau utarakan. Syed Ali Ashraf menegaskan bahawa dalam Islam tujuan utama pendidikan Islam ialah untuk melahirkan khalifah Allah:

In Islam the purpose of education is to enable man to fulfill the purpose of his creation, of his coming to this world. The purpose of the creation is to become a wholehearted servant of God. (Syed Ali Ashraf 1988:74)

Secara lebih spesifik lagi, beliau telah menjelaskan tujuan utama pendidikan bukan sekadar mencari ilmu untuk menjadi warga negara yang baik, tetapi yang lebih penting ialah menjadi manusia yang baik. Syed Ali Ashraf (1988:75) menyatakan:

The purpose of seeking knowledge is not just to become a good citizen of a state but to become a complete human being who reflects God's Attributes in his character and conduct and fulfils God's will through the exercise of his will and through action Carnal) in this world'

Idea beliau ini menyokong pendapat yang telah dikemukakan Al- Attas (1979:32) iaitu:

We maintain that it is more fundamental to produce a good man than to produce a good citizen, for a good man will no doubt be a good citizen, but the good citizen will not necessarily also be a good man.

i

Perbincangan di atas secara ringkas telah memberikan kita beberapa maklumat penting tentang pemikiran seorang pakar-pakar pendidikan dari seluruh dunia khususnya kepada pakar-pakar pendidikan Islam. Analisa kritikal mereka terhadap pendidikan sekular-liberal yang wujud di negara barat khususnya perlu diberi perhatian yang serius kerana tokoh-tokoh pendidikan barat sering mempromosi pengaruh pendidikan sekular-liberal ini kepada umat Islam di seluruh dunia. Ancaman dari kedua-dua fahaman ini perlu dihadapi dan ditangani oleh umat Islam seluruhnya. Nilai-nilai Islam tidak boleh dikorbankan semata-mata untuk memenuhi cabaran dari fahaman barat tersebut sebagaimana pernyataan Syed Ali Ashraf:

The future of Islam in the Muslim World, will therefore, depend on the maintenance of the Islamic norm not through compromise with liberalism, but through the meeting of this challenge of so-called liberalism and secularism by providing a rational Islamic alternative. (1996: 3)

Secara ringkasnya, istilah Pendidikan Islam tidak hanya terhad kepada pengajaran agama atau pengajaran al-Quran, Hadith dan Fiqh. Pendidikan Islam melibatkan proses pembangunan dan pembinaan potensi kognitif yang sememangnya telah wujud dalam diri manusia. Pendidikan Islam juga melibatkan sistem nilai dan amalan dalam diri manusia seperti yang telah dijadikan oleh Allah (s.w.t). Apabila membicarakan aspek pendidikan, pembangunan potensi kognitif, psikomotor dan afektif manusia mestilah berteraskan kepada nilai dan amalan Islam yang bersumberkan wahyu.

Sehubungan itu, apabila membicarakan nilai, amalan dan sistem pendidikan, aspek utama yang perlu diberikan fokus ialah falsafah pendidikan kerana ianya menjadi kunci utama pelaksanaan sistem pendidikan. Nilai dan amalan dalam pelaksanaan pendidikan tidak akan mantap sekiranya falsafah pendidikannya tidak jelas dan mantap. Penekanan terhadap hakikat ketuhanan, hakikat kejadian manusia dan alam dalam falsafah pendidikan Islam adalah penting bagi merealisasikan tujuan pendidikan Islam itu sendiri iaitu untuk mencapai pertumbuhan sahsiah manusia yang seimbang melalui latihan rohani, intelek, rasional, perasaan dan jasmani (Ashraf & Hossein Nasr 1995). Nadiah Jamaluddin (1983) mengatakan bahawa hakikat ketuhanan merupakan konsep *rububiyah* dan *ulubiyah* Allah, iaitu segala urusan diserahkan kepada Allah yang mencipta manusia dan alam. Allah merupakan punca dan sebab wujudnya alam ini. Justeru mengaitkan hubungan ketuhanan dengan hakikat alam adalah suatu yang relevan dengan fitrah alam itu sendiri dan rasional akal manusia kerana pendidikan ialah proses mengenal dan mengetahui sesuatu menerusi akal. Hakikat falsafah pendidikan Islam tidak sempurna tanpa menghubungkan hakikat manusia dengan ketuhanan dan alam.

Falsafah pendidikan Islam adalah satu paradigma bersepadu yang perlu bagi menggantikan falsafah pendidikan sekular yang menafikan hubungan intelek dengan Tuhan. Falsafah pendidikan Islam perlu mempunyai keupayaan mentajdid pemikiran dan kaedah berfikir, mempunyai sikap terbuka terhadap pengalaman dan pendapat orang lain, menggunakan pendekatan ilmiah dalam menerima, menghargai dan mengambil manfaat daripada warisan Islam di zaman silam, para ahli fikir, cendekiawan dan pakar-pakar yang menharap persoalan falsafah pendidikan Islam perlulah memahami disiplin ilmu Islam, aliran pemikiran setempat dan antarabangsa, boleh merancang sukatan pelajaran berdasarkan bidang-bidang menurut asas-asas yang telah disampaikan dalam pendidikan Islam dan membuat pemilihan terhadap guru secara teliti dan jitu di samping mengklasifikasikan mereka menurut cara yang bijaksana dan mudah dimanfaatkan.

Maka, nilai dan amalan pendidikan yang ada dalam sistem pendidikan Islam perlu merujuk kepada sistem pendidikan Islam yang syumul. Falsafah pendidikan Islam perlu menekankan konsep-konsep berikut; pendidikan seumur hidup, pembangunan seluruh potensi (roh, akal dan jasad) secara padu mencakupi aspek kognitif, afektif dan *volitional*, menyampaikan dua fungsi iaitu sebagai

hamba kepada Allah dan sebagai khalifah Allah, memakmurkan seluruh alam, kesepaduan dan kesempurnaan iman, ilmu dan amal soleh dan kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Falsafah pendidikan Islam adalah proses hubung kait tiga komponen alam iaitu Tuhan, manusia dan alam. Hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam sekitar. Inilah nilai utama yang perlu difahami oleh para pendidik dalam melaksanakan sistem pendidikan Islam yang sebenar.

Nilai, Amalan dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu selepas Kedatangan Penjajah Barat
Era penguasaan penjajah menyaksikan perkembangan Pendidikan Islam mula terjejas disebabkan penumpuan yang berbeza antara penjajah dan kerajaan Melayu-Islam yang sedia ada. Penjajah Barat terutamanya Inggeris telah* meletakkan nilai ekonomi dalam pendidikan sehingga umat Islam khususnya di Malaysia mula meninggalkan pendidikan tidak formal mereka dan menyertai pendidikan formal yang diperkenalkan oleh penjajah. Bagi mengatasi masalah ini pemikir-pemikir Islam memperkenalkan sistem sekolah madrasah sebagai alternatif kepada sekolah pondok untuk masyarakat Islam pada waktu tersebut. Rentetan daripada usaha ini, perkembangan pendidikan Islam mula rancak kembali dan mula diterima oleh masyarakat Islam khususnya dalam kalangan orang-orang Melayu. Para pelajar yang lulus daripada sistem ini boleh mempelajari pendidikan Islam sehingga ke peringkat tertinggi di universiti-universiti di Timur Tengah sekalipun tidak mendapat pengiktifan daripada penjajah barat.

Secara ringkasnya, pengajian pondok adalah merupakan sistem pertama yang diamalkan dalam memajukan dan menjadi asas penting dalam perkembangan sistem pendidikan Islam di Malaysia. Pondok pada asalnya bermaksud rumah kecil yang diperbuat daripada bambu atau papan beratap rumbia sebagai tempat tinggal pelajar di sekitar rumah, surau atau madrasah guru yang mengajar agama (Kamus Dewan 2005: 1224). Sekolah pondok pula bermaksud sistem sekolah yang menggunakan sistem pembelajaran murid mengelilingi guru yang sedang mengajar kitab. Sekolah pondok mula diperkenalkan di Tanah Melayu di Pattani (Abdul Ghani, 2004: 4) kemudian menjaral berkembang ke negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak sejak akhir abad ke 18 di negeri Kelantan (Abdul Rahman 2000: 450). Sejak dari itu, sistem ini berjalan dengan rancaknya sehingga melahirkan ramai tokoh ulama serta hasil karangan mereka.

Usaha penjajah Inggeris untuk mengambil hati orang Melayu ialah dengan menubuhkan sekolah Vernakular Melayu pada 1856 semasa era Blundel. Namun begitu, sekolah ini tidak mendapat sambutan orang Melayu kerana mereka bimbang anak-anak mereka tidak mendapat pengajaran agama yang baik. Akhirnya usaha Skinner menggabungkan sekolah Vernakular Melayu ini dengan pelajaran al-Quran di waktu petang telah mendorong orang Melayu untuk menghantar anak mereka ke sekolah jenis ini (Shahril 1993: 37). Di sinilah bermula satu sistem pendidikan yang mula mengenyepikan pendidikan Islam daripada masyarakat Melayu kerana penjajah tidak melihat pendidikan Islam sebagai sesuatu yang mempunyai nilai komersial dan penting kepada masyarakat.

Dalam usaha memajukan pengetahuan agama Islam orang Melayu, negeri Johor telah mendirikan sekolah formal pertama yang menumpukan kepada aspek ini. Pada tahun 1895, Sultan Ibrahim menubuhkan Jabatan Agama Johor seterusnya memulakan sekolah agama kepada rakyat Johor. Sekolah agama formal ini dibuka di waktu petang dengan tumpuan. kepada aspek Pendidikan al-Quran, tajwid, ibadat, tauhid dan tasawuf. Sekolah agama ini menggunakan sepenuhnya bahasa Melayu.

Selain itu, sistem madrasah juga merupakan sistem yang digunakan dalam membangunkan Pendidikan Islam sebelum merdeka. Sistem madrasah ini diperkenalkan di Malaysia pada permulaan abad ke-20 di Singapura apabila Madrasah al-Iqbal dibuka pada tahun 1908. Sistem ini kemudiannya berkembang di Pulau Pinang, Muar, Kota Bahru, Terengganu, Alor Setar dan lain-lain tempat. Sistem madrasah ini berbeza dengan pondok kerana madrasah mempunyai organisasi pentadbiran dan kewangan selain mempunyai silibus mata pelajaran agama sama ada di peringkat *ibtidai* (rendah), *thanawi* (menengah) atau *takhassus* (pengkhususan bidang). Namun sistem ini masih banyak

mengekalkan silibus beberapa kitab Arab pengajian tidak formal di samping buku yang disusun oleh para ustaz. Sesetengah madrasah mengintegrasikan silibus akademik seperti ilmu hisab, bahasa Inggeris dan sebagainya dalam sistem persekolahan yang kebanyakannya dipelopori oleh golongan reformis atau 'kaum muda'. Sistem madrasah ini juga mengadakan peperiksaan untuk melihat prestasi para pelajarnya. Selain itu, tenaga pengajarnya terdiri daripada ustaz yang biasanya balik daripada timur tengah atau mereka yang telah tamat dalam peringkat pengkhususan. Mudir madrasah merupakan orang yang bertanggungjawab memantau pengajaran para ustaz atau pendidik di madrasah tersebut.

Pusat pengajian tinggi Islam yang pertama di Malaysia telah ditubuhkan pada 8hb April 1955 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Syah dengan nama Kolej Islam Kelang. Kolej ini dikenali dengan Kolej Islam Tanah Melayu pada 1955 hingga 1966. Kolej ini menyediakan dua peringkat kursus iaitu kursus peringkat kolej selama empat tahun bagi Ijazah al-Shahadah al-'Aliyyah yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda al-Azhar dan kursus peringkat takhasus selama dua tahun bagi ijazah *al-Shahadah al-'Alimiyyah* yang setaraf dengan ijazah sarjana al-Azhar. Kolej ini selain memberikan pendidikan tinggi agama, pendidikan akademik diberikan keutamaan (Abdul Rahman 2000: 503).

Walaupun terdapat banyak usaha untuk memajukan pendidikan Islam di Malaysia sebelum merdeka, tetapi pada hakikatnya sekolah dan pusat pengajian pendidikan Islam ini masih belum diterima dalam sistem pendidikan persekutuan. Namun begitu, hasil perjuangan para pendokong Islam dan ulama, usaha untuk memasukkan pendidikan Islam ke dalam sistem kebangsaan mula menunjukkan hasil. Sebelum negara mencapai kemerdekaan, Tun Abdul Razak dalam laporan penyatannya telah memasukkan pelajaran agama, moral dan etika ke dalam sistem pendidikan negara (Shahril et.al. 1993: 56).

Sewaktu Malaysia mencapai kemerdekaan, belum ada sekolah agama yang berada dalam sistem pendidikan kebangsaan. Sekolah agama yang wujud hanya Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN), kedua-duanya berada di luar sistem pendidikan kebangsaan. Namun begitu pada tahun 1959, kerajaan mula menyalurkan bantuan kewangan kepada sekolah ini untuk melicinkan lagi perjalanan sekolah (Dangiran Mustafa 2007). Pada tahun ini juga tertubuhnya Jabatan Pengajian Islam hasil daripada hubungan yang baik Universiti Malaya dengan Kolej Islam Malaya (Universiti Malaya 2007).

Usaha pertama untuk memartabatkan Pendidikan Islam selepas merdeka ialah melalui Laporan Penyata Rahman Talib 1961. Dalam penyata ini pelajaran agama diwajibkan kepada murid yang beragama Islam di sekolah rendah dan menengah. Bagi sekolah yang murid Islamnya minoriti, sekolah diwajibkan mewujudkan kelas pelajaran agama kepada murid ini sekiranya terdapat 15 orang pelajar Islam. Penyata ini juga menekankan kepada pendidikan akhlak di sekolah. Perlaksanaan utama penyata ini kemudiannya telah menjadikan Pendidikan Islam sebagai subjek wajib dalam peperiksaan sekolah menengah pada tahun 1964.

Pada tahun 1965, Datuk Asri Haji Muda selaku Menteri Besar Kelantan menubuhkan pusat pengajian tinggi agama di Bangunan Istana Nilam Puri, Kelantan. Pusat ini dikenali dengan Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan atau dalam bahasa Arabnya sebagai Markaz al-Islami al-Darasat al-Falahiah. Buat permulaan pusat ini memperkenalkan Jurusan Undang-undang Islam dan Kuliah Syariah berdasarkan sukatan kurikulum Kuliah al-Syariah wa al-Qanun, Universiti al-Azhar (Abdul Rahman 2000: 503).

Semenjak dari ini pelbagai usaha telah dilakukan untuk memperkembang Pendidikan Islam di pelbagai peringkat dari sekolah rendah sehinggalah ke pusat pengajian tinggi. Bahkan penambahbaikan terhadap organisasi yang mengurus Pendidikan Islam juga mengalami perubahan yang lebih baik. Berikut adalah beberapa rententan penting perkembangan Pendidikan Islam dan organisasi Pendidikan Islam secara ringkasnya adalah seperti berikut:

Thn	Perkembangan Pendidikan Islam dan Organisasi Pendidikan Islam
1970	Penubuhan Fakulti Pengajian Islam bersesekali dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan lima buah jabatan, iaitu Jabatan Syariah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Melayu, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, dan Jabatan al-Quran dan al-Sunnah (Azmy Mohamed 2007).
1973	Unit Pelajaran Agama dinaiktaraf menjadi Bahagian Pelajaran Agama dengan diketuai oleh seorang pengarah di Kementerian Pelajaran Malaysia (JAPIM 2007).
1973	Subjek agama seperti Syariah dan Usuluddin dimasukkan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
1975	Penubuhan Maktab Perguruan Islam dengan matlamat untuk melatih guru Pendidikan Islam di Malaysia di peringkat diploma dan diploma perguruan selepas ijazah.
1977	11 Sekolah Menengah Agama Rakyat atau Negeri (SMAR/SMAN) dijadikan SMKA (Dangiran Mustafa 2007).
1981	Kursus Pra Akademi Islam, Nilam Puri, serta Akademi Islam, APIUM ditubuhkan di Universiti Malaya. Akademi Islam menawarkan tiga kursus, iaitu Fakulti Syariah, Fakulti Usuluddin, dan Fakulti Pendidikan Islam (Universiti Malaya 2007).
1983	Bahagian Pelajaran Agama ditukar kepada Bahagian Pendidikan Islam (BPI) sehinggalah ke tahun 1995 (JAPIM 2007).
1983	KBSR: Penambahan waktu pengajaran dan pembelajaran untuk subjek Pendidikan Islam (Dangiran Mustafa 2007).
1983	Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam dinaikkan tarafnya kepada Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam dan Urusetia LEPAI. Sejak daripada itu, sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat sama ada sekolah rendah (SRAN & SRAR) dan menengah (SMAN & SMAR) dipantau dan dibiayai sebahagian kewangan oleh unit ini. Selain itu, kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) juga ditubuhkan bagi memantapkan lagi Pendidikan Islam Negara (JAKIM 2007).
1983	UIA ditubuhkan dengan bahasa pengantar bahasa Inggeris dan Arab dan menawarkan Kursus Undang-undang, Ekonomi, Pengurusan Perniagaan, Ilmu Wahyu dan Warisan, Sains Politik, Antropology, Psikologi, Sejarah Falsafah, bahasa Inggeris dan bahasa Arab (ULA 2007).
1988	Masa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ditambah sehingga 240 minit seminggu.
1989	KBSM: Penambahan subjek selain Pendidikan Islam seperti Tasawur Islam.
1993	Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) diwajibkan lulus di sekolah rendah dan menengah (Dangiran Mustafa 2007).
1995	Bahagian Pendidikan Islam dinaiktaraf kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM 2007).
1995	Kursus Sarjana dan PhD Pendidikan Islam dibuka di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
1997	Bahasa Arab Komunikasi di sekolah kebangsaan bermula sebagai projek rintis (Dangiran Mustafa 2007).
1998	Sarjana Muda Sains dan Pendidikan (Pengajian Islam), Universiti Teknologi Malaysia dibuka. Program ini mengintegrasikan kemahiran teknologi dengan Pendidikan Islam (Fakulti Pendidikan, UTM 2007).
2000	Kolej Universiti Islam (KUIM) yang sekarang ini dikenali sebagai Universiti Sains Islam Malaysia. Di antara tujuan penubuhan USIM ialah memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus per dan a pendidikan negara dan menekankan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. Penguasaan bahasa Arab dan Inggeris di samping bahasa kebangsaan juga menjadi tumpuan (USIM 2006).
2001	Kementerian Pelajaran Malaysia meluluskan Program Sarjana Muda Pengajian Islam dan

	Sains, APIUM (Universiti Malaya 2007).
2002	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi diwujudkan (Dangiran Mustafa 2007).
2003	Program j-QAF (jawi, al-Quran, Arab dan Fardu Ain) mula diperkenalkan di sekolah-sekolah kebangsaan.
2003	Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab 2003 (Abdul Rafie Mahat 2003).
2003	Sesi 2003/2004 program Asasi Syariah, Usuluddin dan Pendidikan Islam serta Pengajian Islam dan Sains di APIUM dibuka (Universiti Malaya 2007).
2004	Kursus Sarjana Muda Pendidikan Islam dan Pendidikan al-Quran, Fakulti Pendidikan, UKM dibuka.
2007	Proses mendaftarkan sekolah-sekolah agama negeri dan rakyat oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia di beberapa buah negeri bermula di bawah program sekolah agama bantuan kerajaan.
2008	Penubuhan Maahad Tahfiz dan Sains oleh kerajaan negeri Selangor di Banting, Selangor.
2009	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran telah ditukar semula kepada Bahagian Pendidikan Islam

Secara umumnya, jika kita menilai pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara, pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di Malaysia selepas penjajahan Barat, ianya boleh dikategorikan kepada dua kelompok utama iaitu:

Pendidikan Islam sebagai 'Mata Pelajaran'

Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) bermula pada tahun 1982 di 305 buah sekolah dan pelaksanaan sepenuhnya di semua sekolah rendah di seluruh negara pada tahun 1983 sehingga kini dengan melalui pelbagai cabaran dan perubahan. Berdasarkan penekanan KBSR kepada konsep kesepaduan ilmu, maka keputusan telah diambil pada tahun 1993 supaya Kurikulum Baru Sekolah Rendah diubah kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) Pada tahun 1989 Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dilaksanakan sepenuhnya di tingkatan satu dan seterusnya dilaksanakan secara berperingkat sehingga ke tingkatan lima. Kurikulum Pendidikan Islam disemak semula mulai tahun 2000 dengan membuat beberapa penambahbaikan. Kurikulum semakan ini telah dilaksanakan pada tahun 2003 di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia.

Pendidikan Islam telah dijadikan sebagai satu mata pelajaran teras di semua sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan juga sekolah menengah kebangsaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Berdasarkan Akta Pendidikan, pihak sekolah wajib memberikan peluang kepada pelajar yang beragama Islam untuk belajar mata pelajaran Pendidikan Islam. Di peringkat sekolah rendah, bermula Tahun 1 sehingga Tahun 6, pelajar-pelajar yang beragama Islam diwajibkan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Mereka perlu juga menduduki ujian Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) tetapi Pendidikan Islam tidak ditawarkan diperingkat UPSR. Terdapat empat bidang bagi mata pelajaran Pendidikan Islam KBSR iaitu:

- (1) Asuhan tilawah al-Quran
- (2) Ulum Syariah
- (3) Asas akhlak Islamiyyah
- (4) Pelajaran Jawi.

Selain itu, terdapat program j-QAF (jawi, Quran, Bahasa Arab dan Fardu "Ain) yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia di sekolah-sekolah rendah bagi menyokong pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam yang sedia ada. Fokus utamanya ialah untuk

memberikan asas fardu "ain, bahasa Arab. Membaca al-Quran dan juga kemahiran jawi kepada pelajar-pelajar bermula di peringkat sekolah rendah lagi.

Di peringkat sekolah menengah pula (Tingkatan 1 - Tingkatan 3), pelajar-pelajar diwajibkan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam dan mereka perlu mendudukinya dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Di peringkat menengah pula (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5) mereka diwajibkan mengambil mata pelajaran pendidikan Islam dan akan mendudukinya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Secara umumnya, majoriti pelajar Islam berada di sekolah menengah kebangsaan dan mereka mempelajari Pendidikan Islam Teras KBSM. Terdapat tiga bidang utama iaitu:

- (1) Pembelajaran Tilawah al-Quran dan Hadith
- (2) Pembelajaran Ulum Syariah
- (3) Pembelajaran Adab berteraskan Akhlaq Islamiah

Selain itu, terdapat 3 mata pelajaran elektif yang ditawarkan di tingkatan 4 dan 5 iaitu Pendidikan Syariah Islamiah, Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah dan Tasawwur Islam. Mata pelajaran elektif ini diambil oleh pelajar-pelajar daripada aliran agama dan juga aliran sains. Ini memberikan pelajar peluang untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang pendidikan Islam.

Walaupun terdapat peningkatan daripada konteks pelaksanaan mata pelajaran pendidikan Islam selepas kedatangan penjajahan, pendidikan Islam kini hanyalah satu mata pelajaran yang setaraf dengan mata pelajaran teras yang lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Geografi, Sejarah dan juga Sains. Ianya tidak menjadi satu gagasan ilmu yang menyeluruh dan bersepadu sebagaimana yang dibincangkan oleh tokoh-tokoh pendidikan Islam sebelum ini. Jika dianalisis dari sudut Falsafah Pendidikan Islam, mampukah mata pelajaran pendidikan Islam ini menjadi satu pemangkin kepada penghayatan Islam dan melahirkan insan yang soleh sebagaimana dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Islam ?

Pendidikan Islam sebagai Satu 'Sistem'

Pendidikan Islam juga boleh dilihat sebagai satu "sistem pendidikan" sebagaimana yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama. Terdapat berbagai jenis sekolah agama yang ada dan mereka cuba melaksanakan pendidikan Islam sebagai satu "sistem" seperti yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, pihak swasta dan orang persendirian. Berikut adalah beberapa contoh sekolah atau sistem pendidikan Islam yang cuba dilaksanakan di peringkat sistem persekolahan:

- (1) Sekolah Rendah Agama Negeri (SMAN)
- (2) Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR)
- (3) Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI)
- (4) Sekolah Rendah KAFA
- (5) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)
- (6) Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)
- (7) Sekolah Menengah Agama Pesekutuan (SMAP)
- (8) Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN)
- (9) Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)
- (10) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)
- (11) Sekolah Tahfiz
- (12) Maahad Tahfiz Sains

Sekolah-sekolah agama ini secara keseluruhannya cuba melaksanakan pendidikan Islam sebagai satu sistem pendidikan, namun dari segi perlaksanaannya, setiap sistem persekolahan ini berbeza serta mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Iklim keagamaan atau "dini" yang boleh dianggap sebagai satu sistem pendidikan yang wujud dengan kukuh di sekolah-sekolah agama. Iklim dini yang wujud adalah berteraskan sistem pendidikan Islam. Sekolah-sekolah agama ini menjadi fokus masyarakat kerana setiap perlakuan warga akan dinilai oleh mereka.

Di peringkat sekolah rendah, kebanyakan sekolah agama ini menggunakan kurikulum kerajaan negeri yang digubal oleh jabatan agama Islam negeri dan kurikulum Kelasa Asas Fardu 'Ain (KAFA) yang digubal oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Terdapat juga sekolah-sekolah rendah agama yang menggabungkan kurikulum KBSR dan kurikulum negeri seperti di SRAT, Jabatan Agama Islam Selangor. Di peringkat sekolah menengah pula, sekolah-sekolah menengah agama dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia secara umumnya menggunakan sepenuhnya KBSM seperti di (SMKA), (SBPI) dan (SMAP). Bagi sekolah di bawah kerajaan negeri pula, mereka menggunakan dua jenis kurikulum iaitu KBSM dan kurikulum negeri yang digubal berasaskan sukatan al-Azhar (Bu'uth al-Azhar). Dalam kurikulum sekolah menengah negeri, pendidikan Islam merupakan satu kurikulum yang luas merangkumi beberapa mata pelajaran pengajian Islam seperti Fiqh, Ibadah, Akhlak, Sirah, Tafsir, Hadith dan Tajwid termasuklah pengajian bahasa Arab seperti Sarf, Nahu, Balaghah, Imla', Mutala'ah dan Insyak. Kurikulum ini digubal berdasarkan kurikulum al- Azhar yang membolehkan mereka mempelajari bidang pengajian Islam di peringkat menengah tinggi dan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Di peringkat menengah tinggi, pelajar-pelajar aliran agama boleh mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang menawarkan mata pelajaran Syariah dan Usuluddin.

Secara umumnya, terdapat perkembangan yang positif berlaku dalam perkembangan pendidikan Islam di Malaysia. Masyarakat Melayu- Islam memandang tinggi sistem pendidikan Islam dan memberi sambutan yang sangat positif kepada sekolah-sekolah agama. Sekolah-sekolah agama seperti SMKA, SMAP, SMAR, SMAN dan SABK yang ada masih tidak mencukupi untuk menampung permintaan ibu bapa yang mahukan sistem pendidikan Islam. Ini membawa kepada penubuhan kelas-kelas aliran agama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan.

Di peringkat pengajian tinggi pula, terdapat berbagai bentuk pelaksanaan sistem pendidikan di negara ini. Sebagai contoh, pendidikan Islam masih dilaksanakan secara terpisah-pisah dan ianya ditawarkan dalam bidang pengkhususan tertentu di beberapa buah institut pengajian tinggi seperti di Universiti Malaya, Universiti Darul Iman Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Pelajar-pelajar akan menjurus dalam beberapa bidang pengajian Islam seperti Syariah, Usuluddin, Dakwah, al-Quran dan al-Sunnah. Terdapat juga kursus-kursus dalam bidang pendidikan Islam atau pengajian Islam yang ditawarkan sebagai kursus elektif dan dibuka untuk pelajar bidang lain. Pelajar-pelajar Islam tidak diwajibkan mempelajari kursus-kursus pendidikan Islam dan dikategorikan sebagai kursus-kursus elektif sahaja.

Namun, keadaan yang berbeza wujud di beberapa buah universiti seperti Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Mara di mana pendidikan Islam ditawarkan sebagai satu kursus teras yang wajib diambil dan lulus oleh semua pelajar yang beragama Islam. Bagi institusi pengajian tinggi swasta pula, pihak Agensi Kualiti Malaysia telah mewajibkan pelajar Islam mengambil kursus pendidikan Islam dan lulus kursus ini. Terdapat juga beberapa institusi pengajian tinggi yang berusaha melaksanakan sistem pendidikan Islam sebagaimana yang dipelopori oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Sistem pendidikan tinggi Islam telah berjaya dilaksanakan dan selepas itu diikuti oleh Kolej Universiti Islam Selangor, Kolej Islam Pahang, Kolej INSAN IAH, Kolej Islam Darul Ridzuan, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra dan Universiti Sains Islam Malaysia.

Namun begitu, cabaran terkini telah secara langsung atau tidak langsung memberikan impak yang positif dan juga negatif kepada pelaksanaan pendidikan masyarakat Melayu-Islam di negara ini. Gelombang globalisasi telah menimbulkan pelbagai cabaran besar kepada masyarakat Melayu-Islam

bermula daripada cara berfikir, stail pakaian, jenis makanan sehinggalah kepada pergaulan dan hidup bermasyarakat. Masalah keruntuhan akidah dan sosial seperti gejala murtad, keruntuhan akhlak, zina, rogol serta kegagalan remaja Islam untuk melaksanakan tuntutan asas sebagai seorang Islam telah menimbulkan pelbagai pandangan dan persepsi dalam masyarakat terhadap pendidikan Islam amnya dan guru-guru pendidikan Islam khususnya.

Remaja, malah orang dewasa Islam juga mudah terjebak dan terjerumus ke lembah maksiat disebabkan pendedahan mereka kepada bahan-bahan lucah. Kesibukan keluarga menyebabkan ibu bapa tidak dapat memberikan tumpuan secukupnya kepada pendidikan anak-anak dan membiarkan mereka secara bebas menonton TV, VCD dan melayari laman web tanpa pemantauan, bimbingan dan tunjuk ajar ibubapa. Kemunculan pusat hiburan dan *cyber cafe* di serata kawasan, kompleks membeli belah di bandar dan kotaraya telah memberikan peluang yang sangat luas kepada para remaja untuk melepak-lepak, berpeleseran, *dating* dan membuang masa. Ini ditambah pula dengan konsert-konsert yang dianjurkan oleh pusat-pusat membeli belah bagi menarik pelanggan atau yang dianjurkan bersama syarikat komunikasi dan stesen televisyen seperti Akademi Fantasia, *One in A Million*, dan *Malaysian Idol*. Isu-isu yang berlaku ini dirumitkan dengan kes-kes keruntuhan keluarga dan masalah rumah tangga yang turut menyumbang kepada keruntuhan dan kegawatan sosial di kalangan generasi muda Melayu-Islam.

Akibat daripada permasalahan dan isu-isu di atas, terdapat beberapa persoalan yang sering ditimbulkan oleh masyarakat terhadap pelaksanaan pendidikan Islam keseluruhannya, antaranya:

- (1) Adakah pendidikan Islam di sekolah atau institusi pendidikan tinggi gagal atau masih belum mampu memberikan didikan yang sempurna kepada mereka?
- (2) Terlalu banyakkah persoalan yang perlu dihadapi oleh remaja Islam masa kini?
- (3) Apakah kemampuan dan kesediaan guru-guru pendidikan Islam sudah cukup untuk mendidik generasi muda di era globalisasi?
- (4) Apakah cabaran yang dihadapi terlalu besar dan berat hinggakan matapelajaran pendidikan Islam di sekolah atau institusi pendidikan tinggi tidak cukup mantap untuk menanganinya?
- (5) Adakah pengajaran pendidikan Islam di sekolah atau institusi pendidikan tinggi tidak menarik pelajar-pelajar?

Sehubungan itu, kita perlu menilai secara kritikal pelaksanaan sistem pendidikan Islam di sekolah untuk menilai kelemahan-kelemahan yang timbul. Secara ringkas, penilaian ini boleh dijalankan dengan melihat kepada beberapa persoalan yang dapat dikategorikan kepada empat aspek utama seperti berikut:

Falsafah dan Matlamat

Terdapat beberapa isu persoalan yang perlu dilihat dalam aspek ini, antaranya:

- (1) Adakah Falsafah Pendidikan Islam difahami dan dihayati oleh semua pihak yang terlibat dalam pendidikan?
- (2) Apakah matlamat pendidikan Islam yang ada dalam sistem-sistem sekarang menuju ke arah yang sama?
- (3) Apakah status pendidikan Islam pada pandangan masyarakat ?
- (4) Wujudkah keselarasan tujuan atau matlamat pendidikan dalam sistem pendidikan Islam yang ada di sekolah-sekolah masa kini?
- (5) Apakah tahap kefahaman para pendidik tentang matlamat pendidikan Islam yang sebenar?
- (6) Mengapakah wujud berbagai falsafah sistem pendidikan Islam dan apakah jalan penyelesaiannya?
- (7) Apakah sikap dan komitmen pemerintah terhadap sistem pendidikan Islam yang dilaksanakan sekarang?

- (8) Apakah usaha yang boleh dikatakan bagi menelaraskan kefahaman para pendidik terhadap pelaksanaan sistem pendidikan Islam yang syumul?

Kandungan

Kandungan yang diberikan juga boleh dilihat dalam beberapa aspek, antaranya:

- (1) Adakah kandungan pendidikan Islam yang ada sesuai dengan minat dan motivasi pelajar?
- (2) Adakah kandungan pendidikan Islam yang ada mencukupi?
- (3) Mengapa perlu wujud berbagai kurikulum pendidikan Islam?
- (4) Mengapa pendidikan Islam terhad kepada satu mata pelajaran sahaja?
- (5) Adakah kandungan pendidikan Islam lebih menekankan aspek teori dan kurang memberikan penekanan kepada amali?
- (6) Adakah kurikulum pendidikan Islam yang ada berfokus kepada pembangunan kerohanian sahaja?
- (7) Adakah kurikulum pendidikan Islam yang ada seimbang dan bersepadu dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual?
- (8) Adakah kurikulum yang berbagai-bagai bentuk ini membawa kepada ketidak selarasan pemikiran atau pun sebaliknya?
- (9) Adakah kurikulum ini terlalu luas dan menyukarkan pelajar atau pun sebaliknya?
- (10) Mungkinkah kurikulum pendidikan Islam yang berbagai ini saling melengkapi?
- (11) Adakah kurikulum pendidikan Islam yang ada mampu memberi ilmu yang secukupnya kepada pelajar?
- (12) Apakah kandungan kurikulum yang ada sesuai dengan matlamat pendidikan Islam yang sebenar?
- (13) Adakah bahan pengajaran pendidikan Islam yang ada memenuhi keperluan pendidikan masa kini?
- (14) Adakah kandungan pendidikan Islam yang ada terlalu berorientasikan peperiksaan?
- (15) Adakah kandungan pendidikan Islam telah berjaya disekularkan?
- (16) Adakah masyarakat melihat pendidikan Islam sebagai teras sistem pendidikan di sekolah?
- (17) Adakah kandungan sistem pendidikan Islam berteraskan Tauhid?

Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Pelaksanaan sistem pendidikan juga perlu memberikan tumpuan kepada aspek proses iaitu:

- (1) Adakah kandungan pendidikan Islam telah berjaya disekularkan dalam proses pengajaran pendidikan Islam?
- (2) Bagaimana kaedah mengintegrasikan ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam?
- (3) Adakah guru pendidikan Islam berfungsinya sebagai *muddaris*, *muaddib*, *murabbi*, *mursyid* dan *muallim* ?
- (4) Adakah guru pendidikan Islam melaksanakan tugas sebagai seorang pendakwah?
- (5) Mampukah guru-guru melaksanakan Islamisasi ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran?
- (6) Pada tahap manakah keupayaan guru untuk mengintegrasikan ilmu secara inter-bidang dan intra-bidang?
- (7) Apakah sokongan fizikal pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam yang ada mencukupi dan sesuai?
- (8) Sejauhmanakah tekanan yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan Islam di sekolah atau institusi pendidikan tinggi?
- (9) Adakah guru-guru pendidikan Islam yang ada di sekolah atau institusi pendidikan tinggi mencukupi?

- (10) Adakah guru-guru pendidikan Islam mempunyai latihan yang mencukupi untuk menjadi guru yang berkesan?
- (11) Apakah peranan ibu bapa, masyarakat dan pemerintah terhadap pendidikan di sekolah atau institusi pendidikan tinggi?

Hasil yang Dilahirkan

Pendidikan Islam perlu menilai hasilnya:

- (1) Adakah manusia yang dihasilkan daripada sistem pendidikan Islam sedia ada ini memenuhi ciri-ciri manusia yang diharapkan daripada matlamat pendidikan Islam?
- (2) Adakah manusia yang dilahirkan boleh dikategorikan sebagai insan soleh?
- (3) Adakah produk manusia yang dididik ini mempunyai keseimbangan dan kesepaduan?
- (4) Adakah penghayatan agama dinilai dan diambil kira pelajar bagi meneruskan pengajian atau pun pemilihan dalam pekerjaan?

Kesimpulan

Berdasarkan pelaksanaan yang berlaku, jelas pendidikan Islam masih dalam bentuk yang tersendiri dan masih terpisah daripada paradigma ilmu yang luas. Pendidikan Islam pada masa kini masih belum menjadi satu sistem yang unggul. Fokus utamanya masih dalam bidang pengajian Islam dan bahasa Arab. Proses memartabatkan pendidikan Islam perlu bermula dari kefahaman konsep ilmu yang menyeluruh berteraskan akidah Tauhid seperti yang tekankan oleh al-Marhum Prof. Syed al- Ashraf:

Faith and knowledge must go hand in hand. Faith is a spiritual gift and knowledge in an intellectual acquisition through the use of man's intellect 'aql. ... Islam does not allow the Muslims to dichotomize life and divide it into that which belongs to God (Divine) and that which belongs to Caesar (secular). Islam wants education to be a process in which curriculum and teaching methods help each individual to unfold its own unique potentiality as a representative of God on the earth. (Ashraf 1988:74).

Penyataan ini memberi penekanan kepada satu konsep pendidikan yang berasaskan kepada kekuatan akidah yang perlu dijadikan tunjang dalam kehidupan manusia. Akidah dan ilmu perlu disepadukan bagi memastikan insan yang dididik akan dapat dibentuk sebagai khalifatullah yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Pemisahan antara akidah dan ilmu akan melahirkan manusia yang tidak seimbang dan akhirnya akan mewujudkan kerosakan di muka bumi. Aspek kerohanian dengan sendiri akan dike samp ingkan lantas yang menyebabkan wujudnya keterbatasan dalam sumber-sumber ilmu. Sistem pendidikan Islam dalam Dasar Pendidikan Negara perlu diperkasa bagi memartabatkan status dan peranan pendidikan Islam sebagai sistem pendidikan Islam yang bersifat komprehensif.

Bibliografi

- Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaluddin dan Tajul ArifFin Nordin. 2003. "Fungsi surau dan keberkesannya dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam: Satu kajian di sekolah-sekolah menengah negeri Selangor". Laporan Kajian UKM: Fakulti Pendidikan.
- Ab. Halim Tamuri dan Kamarul Azmi Jasmi. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM

- Abdul Ghani Yakob (2004). *Pattani Di Antara Pusat Tamadun Melayu Islam di Asia Tenggara*. Bengkel Kebangsaan Ketiga: Pengajaran Titas di IPTA 13- 15April 2004. Pahang: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rafie Mahat. 2003. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2003: Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab*. Putrajaya: Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia. <http://apps.emoe.gov.my/bs/spi/2003/5-2003.pdf>, [4.07.2007].
- Abdul Rahman al-Ahmadi. 2000. Pendidikan Islam di Malaysia: Pembinaan Intelek Agama. Dim. Mohd. Taib Osman & A. Aziz Deraman (pngr.). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Pendidikan 1961*. 1984. Kuala Lumpur: International Law Book Service.
- Akta Pendidikan 1996*. 1998. Kuala Lumpur: International Law Book Service.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1999. *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Azmy Mohamed. 2007. *UKM dulu dan kini*. Utusan Online. http://www.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=UKM35tahun&cp=ukm_02.htm. [4.07.2007].
- Dangiran Mustafa 2007. *Heap Utama dan Perasmian Timbalan Ketua Pengarah JAPIM dalam Isu-isu Semasa Pendidikan Islam*. Majlis Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah-sekolah (MAKDIS/PEKDIS), Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dan Alumni Kolej Islam (ALKIS). <http://mendidik.blogspot.com/2007/05/halatuju-pendidikan-islam-di-malaysia.html>, [4/07/2007].
- Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). 2007. *Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Pengajian Islam)*. <http://web.utm.my/lp>, [05.07.2007].
- Farhana Abdul Rashid, Pcnolong Pengarah Unit Guru Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM). 2007. Temubual pada 11.30 pagi pada 20hb. Mac 2007.
- Halstead, J. M. 1996. Liberal Values and Liberal Education, in J. Mark Halstead and Monica J. Taylor (eds.) *Values in Education and Education Values*. London: The Falmer Press.
- Hashim, Rosnani, 1996. *Educational Dualism in Malaysia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press,.
- Hassan Langgulung. 1981. *Beberapa Tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hassan Langgulung. 1986. *Manusia dan Pendidikan Satu Analisa Psikologi: Filsafat dan Pendidikan*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Hassan Langgulung. 1997. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- IIUM (International Islamic University Malaysia). 2007. *HUM: About The University*, <http://www.iium.edu.my/about/intro.shtml>, [5.07.2007].
- JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). 2007. *Sejarah Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, JAKIM*. <http://www.islam.gov.my/lepai/sejarah.html>, [05.07.2007].
- JAPIM (Jabatan Pendidikan Islam dan Moral). 2007. *Pengenalan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral*. Putrajaya: JAPIM. <http://www.japim.edu.my/Pengenalan.html>, [5.07.2007]
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khurshid Ahmad. 1973. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.
- KPM (Kementerian Pelajaran Malaysia), t.th. *Terma Rujukan Konsep Guru Cemerlang*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. 1988. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Majlis Guru Cemerlang Malaysia 2007. *Diari Majlis Guru Cemerlang Malaysia 2007*. t.tp.: t.pt.
- Miqdad Yalchin. 1986. *Al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Ghayatuba*. Riyadh: Muassasah al-Tarbiyyah al-Islamiah.

- Mohd Kamal Hassan. 1988. *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- al-Nasir, Muhammad Hamid & Darwish, Khawlah Abdul Kadir. 1994. *Tabiah al-Atfal fi Rihab al-Islam fi al-Bait wa al-Rawdhah*. Jeddah: Maktabah Suwadi li al-Tawzi^c.
- Al-Nahlawi, Abdul Rahman,. 1996. *Usui al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibiha:fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama*Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qardawi, Yusuf. 1982. *Minhaj al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hassan al-Banna*. Mesir: Matba^cah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Qutb, Muhammad. 1983. *Manhaj al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al- Qalam.
- Shahril @ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing, Saedah Siraj. 1993. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Syed Sajjad Husain and Syed Ali Ashraf. 1979. *Crisis in Muslim Education*, Jeddah: Hodder and Stoughton.
- Syed Ali Ashraf, 1988. "A View of Education-An Islamic Perspective" in Bernadette O'Keeffe (ed.) 1988. *Schools for Tomorrow: Building Walls or Building Bridges*. Sussex: The Falmer Press, ms.69-79.
- Syed Ali Ashraf, 1994. "Faith-Based Education: A Theoretical Shift from the Secular to the Transcendent", *MEQ*, Vol. 11, No. 2. ms.1-4.
- Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. 1979. "Preliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and Aims of Education" in S.M.N. al-Attas (ed.). 1979. *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: King Abdulaziz University.
- Al-Tamimi, Izzuddin dan Badr Samri Ismail. 1985. *Nazarat fi al-Tarbiyyah al- Islamiyyah, Dirasat al-Tarbawiyah*. Amman: Dar al-Basyir.
- Universiti Malaya 2007. *Academy (APIUM) History*. <http://apium.um.edu.my/AboutUs/History.html>, [4.07.2007].
- Universiti Malaya. 2007. *Sejarah APIUMNP*. <http://apiumnp.um.edu.my>, [4.07.2007].
- USIM (Universiti Sains Islam Malaysia). 2006. Pengenalan USIM. http://www.usim.edu.my/ms/index.php?option=com_content&task=category§ionid=8&id=103&itemid=528, [4.07.2007].
- Zawawi Ahmad. 1996. *Sains dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.